

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 24 JULAI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1142-L3656
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan panjang bagi mengatasi masalah penderaan terhadap kanak-kanak di negara ini.
2. PN-1142-L2966
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilangan pemegang status pelarian UNHCR di Malaysia dan kerakyatan mereka dari tahun 2003 sehingga Mei 2007.
3. PN-1142-L3474
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanannya "Aktiviti-aktiviti Sukan Malam Ini" dapat membantu para belia negara untuk meninggalkan budaya lepak serta membuang masa di kalangan mereka.
4. PN-1142-L3420
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan jenayah rogol yang meningkat sejak tahun 2002 hingga 2006 dapat dikurangkan.
5. PN-1142-L3187
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan 1.85 juta penduduk mengalami masalah '3G' iaitu Gebu, Gempal dan Gemuk di mana daripada jumlah itu seramai satu juta / 18.8% merupakan kaum wanita berusia 25 hingga 64 tahun. Apakah penyebab utama kaum wanita di negara ini mengalami masalah tersebut.

6. PN-1142-L3063
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah koperasi tidak berdaya maju atau bermasalah yang berjaya dipulihkan dalam usaha menjadikan koperasi saluran tabungan berkesan di kalangan rakyat.
7. PN-1142-L3118
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk melaksanakan sistem Scholastic Assessment Test (SAT) dalam Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (2006-2010).
8. PN-1142-L3032
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) bilangan nyawa yang terkorban dalam jenayah-jenayah yang berlaku di negara kita dalam 3 tahun kebelakangan ini dengan pecahan mengikut jantina;; dan
 - (b) bilangan kes jenayah yang membabitkan warga asing.
9. PN-1142-L2985
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah kekurangan guru di SJK(C) dan SJK(T) sekarang dan beberapa orang guru sekolah tersebut akan bersara sebelum sesi sekolah 2008 bermula dan apakah rancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru di SJK(C) dan SJK(T) yang telah dijanjikan oleh pemimpin Kerajaan semasa pilihan raya yang lalu.
10. PN-1142-L3189
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pihak manakah yang bertanggungjawab untuk memberi respons kepada sebarang laporan, kenyataan atau ulasan mengenai Malaysia yang tersiar dan tersebar di akhbar, Internet dan "news network" antarabangsa. Sekiranya tiada apa-apa respons dari pihak Kerajaan akan menunjukkan bahawa sesuatu kenyataan itu adalah betul dan boleh diterima pakai oleh penonton dan pembaca sama ada dalam atau di luar negara.
11. PN-1142-L3204
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan kesedaran rakyat dalam menghargai landskap di persekitaran kita.
12. PN-1142-L3496
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani kegiatan jenayah yang makin menjadi-jadi di daerah Johor Bahru.

13. PN-1142-L2997
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah rancangan-rancangan bagi membangunkan kawasan Tanah Adat Bumiputera di Sarawak yang begitu luas sebagai estet mini pekebun-pekebun bagi membantu rakyat luar bandar meningkatkan taraf kehidupan mereka dan sama ada Kerajaan akan memperhebatkan lagi Skim Penanaman Pokok-pokok Kayu yang Berpotensi dan mempunyai harga komersial seperti Acacia Mangium di samping meneruskan lagi usaha rancangan menanam getah bermutu tinggi di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak.
14. PN-1142-L3229
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kejayaan dan kegagalan jika ada "Malaysian Code On Corporate Governance" dalam soal "corporate governance" di Malaysia setelah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui The Malaysian Institute Of Corporate Governance (MICG) pada tahun 2001.
15. PN-1142-L3357
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk menggubal satu sukatan pelajaran baru bagi sekolah-sekolah memandu di seluruh negara yang lebih mementingkan keselamatan jalan raya itu sendiri.
16. PN-1142-L3477
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) projek-projek Kerajaan yang bermasalah atau terbengkalai; dan
 - (b) proses kelulusan projek (sama ada pemberian terus atau tender terbuka) agar lebih cepat daripada prosedur yang diamalkan pada masa ini.
17. PN-1142-L3665
Dato' Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk melancarkan gempur membasmi samseng dan penjenayah seperti Ops Cantas Kenyalang Sarawak dan nyatakan jumlah mengikut negeri anggaran ahli-ahli kongsi gelap dan penjenayah dalam buruan PDRM serta strategi bagi menangani isu tersebut.
18. PN-1142-L3667
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk memberi kesedaran kepada generasi muda mengenai gejala sosial seperti mat rempit.

19. PN-1142-L3642
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sambutan dan penerimaan orang ramai terhadap Sistem E-Filing yang dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi mengutip cukai pendapatan.
20. PN-1142-L3590
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan secara terperinci dasar, kaedah pelaksanaan, perancangan, kawalan dan pemantauan ke atas syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan muat turun nada dering serta gambar dan ianya termasuk memuat turun bahan lucah.
21. PN-1142-L3580
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan hanya 1225 syarikat daripada lebih dari 100,000 telah mewujudkan jawatankuasa untuk menyiasat 'gangguan seksual' mengikut 'Sexual Harrasment Code". Disebabkan kurang sambutan dari majikan, adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menukar 'Sexual Harrasment Code" kepada 'Sexual Harrasment Act' untuk membantu menghapuskan ketakutan kaum wanita yang bekerja daripada gangguan seksual.
22. PN-1142-L3433
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menambah bilangan kakitangan profesional/pakar termasuk doktor, jururawat, paramedik dan sebagainya di kalangan anak Malaysia agar modal insan yang benar-benar berminat dan mempunyai jiwa yang sesuai dapat dipupuk seawal-awalnya.
23. PN-1142-L3048
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dalam kejadian banjir kilat di ibu negara pada 10/6/2007, berapakah jumlah kerugian oleh Mahkamah Industri yang telah dimasuki air banjir dan adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan lokasi mahkamah berkenaan ke tempat yang lebih strategik bagi mengelak kejadian yang sama daripada berulang.
24. PN-1142-L3572
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bilangan kes penipuan dan "misrepresentation" syarikat jualan terus yang telah dilaporkan dan apakah tindakan yang boleh diambil ke atas mereka.

25. PN-1142-L3399
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Proton akan mempunyai rakan kongsi mesra semangat Malaysia dalam masa terdekat ini. Apakah kriteria-kriteria yang diutamakan dalam menentukan rakan kongsi utama bagi Proton. Jika MAS boleh dipulihkan, mengapa tidak Proton.
26. PN-1142-L3564
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Pusat Kokurikulum Daerah (PKD) di setiap PPD (Pejabat Pelajaran Daerah) memandangkan PKN (Pusat Kokurikulum Negeri) sudah terlampau terbeban dengan aktiviti yang mengendalikan kira-kira 50 sehingga 60 aktiviti setiap minggu; dan
 - (b) setiap PKN mempunyai 10 orang jurulatih sepenuh masa. Adakah ia mencukupi dan berapakah nisbah seorang jurulatih yang paling ideal dan bolehkah nisbah ini ditepati.
27. PN-1142-L2949
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kebaikan Sistem Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan Faedah Pencen Bersara (FPB) kepada kakitangan awam.
28. PN-1142-L3621
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah beberapa kontraktor memulangkan semula kontrak binaan yang diperolehi semata-mata kerana harga bahan binaan naik. Tidakkah Kerajaan menggunakan budi bicara dalam 'fluctuation Clause' agar kontraktor-kontraktor dapat memulakan kerja pembinaannya.
29. PN-1142-L3139
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memperkasakan dan menjayakan program-program di bawah MLVK dalam usaha memastikan pembangunan kemahiran berjalan sejajar dengan dasar ekonomi negara dan juga mengambil kira arus pembangunan industri tersebut di peringkat antarabangsa.
30. PN-1142-L3366
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan statistik keciciran pelajar Orang Asli di sekolah rendah dan menengah dan bagaimanakah sekolah-sekolah di kawasan Orang Asli boleh dijadikan sebagai pusat cemerlang bagi komuniti setempat di bawah Rancangan Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar.

31. PN-1142-L3508
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana pengawalan terhadap majalah asing yang dibawa masuk ke negara ini.
32. PN-1142-L3637
Tan Sri Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah mekanisme yang ada bagi memantau pelajar-pelajar Malaysia di luar negara supaya kejadian membunuh kawan yang berlaku kepada Mohammad Ishak di Mesir baru-baru ini tidak berulang.
33. PN-1142-L3361
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan strategi untuk menarik pelabur asing untuk melabur di negara kita terutamanya dalam sektor pertanian.
34. PN-1142-L3425
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bila mana kes-kes sosial remaja semakin meningkat dan tidak terkawal.
35. PN-1142-L3334
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang atau telah membuat keputusan untuk membeli 6 buah pesawat A380 bagi kegunaan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS).
36. PN-1142-L3243
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah usaha berterusan yang dibuat bagi mendapat pengiktirafan Bandaraya Melaka sebagai Bandar Warisan Dunia.
37. PN-1142-L3414
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kes fasakh yang didaftarkan di Mahkamah Syariah di seluruh negara dan berapa peratus yang berjaya diselesaikan dalam 5 tahun terakhir (2002, 2003, 2004, 2005 dan 2006).
38. PN-1142-L3163
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan panjang untuk menambah bilangan pelajar perubatan di dalam dan luar negara dan menyatakan unjuran penghantaran bilangan pelajar perubatan ke luar negara untuk tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2006.

39. PN-1142-L3013
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan peranan RELA yang sebenarnya. Apakah RELA mempunyai kuasa penguatkuasaan seperti menangkap, menahan dan menggeledah.
40. PN-1142-L3613
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dan mengakui kesilapan Kementerian kerana kegagalan memantau kontraktor di bawahnya dan bahagian penyelenggaraan JKR sehingga menyebabkan kerosakan bangunan Kerajaan, keretakan siling runtuh dan kebocoran paip air bukan menuding jari kepada pihak lain.
41. PN-1142-L3035
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah ada perjanjian persefahaman antara dua negara dalam menyelaraskan dan menyeragamkan kos/kadar pengambilan pembantu rumah oleh agensi pembekal pembantu rumah asing; dan
 - (b) berapakah sebenarnya bayaran yang dikenakan oleh seorang majikan bagi mendapatkan khidmat seorang pembantu rumah dari Indonesia.
42. PN-1142-L3394
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pencapaian Kementerian dalam usaha menarik pelabur asing untuk membuat pelaburan di negara ini daripada tahun 2003 sehingga awal 2007.
43. PN-1142-L3374
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) keperluan makmal komputer dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P & P) di sekolah; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dapat dilaksanakan dengan berkesan.
44. PN-1142-L3203
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) bilangan sekolah mission dalam aliran Sekolah Kebangsaan, SJK(C), SJK(T) dan Sekolah Menengah; dan
 - (b) senarai perbelanjaan pembangunan dan pengurusan setiap tahun dari 2001 - 2006 bagi setiap aliran tersebut.

45. PN-1142-L3156
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tahap kerjasama antara Malaysia dengan Singapura selepas Perdana Menteri Singapura melawat Pulau Langkawi baru-baru ini.
46. PN-1142-L3599
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pihak Kementerian sedar tindakan Persatuan Nelayan Negeri Selangor mengenakan caj perkhidmatan ke atas pemegang kad pintar E-Diesel dan E-Petrol sewaktu nelayan mendaratkan hasil tangkapan mereka membebankan lagi mereka. Apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini.
47. PN-1142-L3563
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem pemilihan pelatih PLKN semasa supaya mereka yang telah lama berhenti sekolah dan sedang bekerja dikecualikan daripada menyertai program ini. Ini memandangkan implikasi negatif dan pelbagai masalah yang dihadapi mereka semasa dan selepas latihan.
48. PN-1142-L3087
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S Maniam minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilangan pelatih kaum India yang diambil masuk ke dalam program PLKN kerana tidak dapat dinafikan sama sekali PLKN dapat membentuk semangat kenegaraan yang kuat dan seterusnya mengikis sifat perkauman dalam negara kita.
49. PN-1142-L3308
Tuan Lee Chee Keong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) mengapakah bilangan kakitangan Kerajaan bertambah secara mendadak hingga mencecah 1.14 juta orang sekarang dan mengapakah terdapat jawatan-jawatan kosong di Kementerian Pertahanan sebanyak 53,000; dan
 - (b) mengapakah hanya terdapat 8,816 jawatan kosong di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (termasuk PDRM) memandangkan pihak polis lebih memerlukan rekrut baru untuk menangani masalah jenayah sosial.
50. PN-1142-L3230
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk menyerapkan pelatih-pelatih PLKN yang tidak dapat tawaran meneruskan pengajian atau tawaran pekerjaan dari mana-mana sektor diserapkan sebagai anggota pertahanan awam sama ada sebagai anggota Polis atau JPA 3.

51. PN-1142-L3105
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan kempen "Satu Rumah Satu Profesional" yang telah dan akan dilaksanakan selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri baru-baru ini terutamanya melibatkan masyarakat luar bandar di seluruh negara.
52. PN-1142-L3545
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengekalkan nilai pencen terbitan yang diterima oleh isteri atau suami walaupun pesara berkenaan telah meninggal dunia lebih dari 13 tahun kerana buat masa ini pencen terbitan dipotong beberapa peratus.
53. PN-1142-L3522
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kenapa masih wujud budaya mendera (ragging) di kalangan pegawai-pegawai khususnya yang sedang menjalani latihan dalam Angkatan Tentera Malaysia(ATM).
54. PN-1142-L3448
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan unit rumah yang telah dapat dilaksanakan di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Apakah tindakan Kementerian bagi memastikan setiap rakyat mampu memiliki rumah berkenaan.
55. PN-1142-L3169
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah penyelesaian yang telah dan akan diambil terhadap pengangguran di kalangan siswazah yang masih tinggi walaupun terdapat sumber mengatakan bahawa kira-kira 100,000 jawatan kosong dalam perkhidmatan awam masih belum diisi di mana kebanyakannya dalam sektor kesihatan dan pendidikan.
56. PN-1142-L3210
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bahawa bilakah bermulanya pelaksanaan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial di sekolah-sekolah Tamil.
57. PN-1142-L3097
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah anggota polis baru yang telah dipilih menyertai PDRM sepanjang tahun 2006.
58. PN-1142-L3454
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi mengatasi isu mengenai kanak-kanak yang tidak dapat diberikan sijil lahir/kad pengenalan dan kerakyatan kerana mereka adalah anak tidak sah taraf atau ibu bapa tidak mempunyai sijil perkahwinan.

59. PN-1142-L3140
Tuan Chiu Tiang Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah pencerobohan kapal penangkapan ikan asing yang masih menjadi ancaman kepada industri perikanan negara di mana akibat angkara pencerobohan mereka di perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia, sektor penangkapan ikan negara ini menanggung kerugian yang dianggarkan sebanyak RM1 bilion setahun.
60. PN-1142-L3068
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah Malaysia dilihat berjaya dalam usaha menggalakkan rakyatnya terlibat dalam usaha sama dengan negara-negara Asia yang membawa pulangan setimpal kepada negara khususnya dalam pertukaran teknologi dan tenaga mahir.
61. PN-1142-L3395
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan dan tahap kemajuan Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang telah dilaksanakan di beberapa negeri dan jenis makanan yang dihasilkan.
62. PN-1142-L3505
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan lampu-lampu jalan amatlah penting tetapi pada hari ini kita hanya dapat melihat tiang lampu yang tanpa cahaya. Ini akan menyebabkan keselamatan pengguna terdedah kepada bahaya terutama pada waktu malam. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.
63. PN-1142-L3305
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah Kementerian sedar keadaan Muzium Negara tidak lagi menepati statusnya sebagai Muzium Negara kerana keadaan ruang pameran bahagian sejarah adalah terlalu rapat di antara satu sama lain. Apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut
64. PN-1142-L3392
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah tindakan pencegahan ataupun pemantauan berterusan di buat bagi mengatasi masalah penyakit ataupun Virus Selesema Burung (H5N1) daripada terus berulang di negara ini.

65. PN-1142-L2992
Dato' Sri Empiang Jabu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat langkah-langkah yang telah disediakan bagi menggalakkan penglibatan para kontraktor tempatan dari negeri-negeri lain seperti Sarawak di dalam Projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).
66. PN-1142-L3183
Datuk Soon Tian Szu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah wajar lanjutan usia persaraan kakitangan sektor awam kepada enam puluh tahun (60) memandangkan statistik pengangguran di kalangan graduan semakin tinggi.
67. PN-1142-L3329
Dato' Gooi Hoe Hin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Perkhidmatan Awam akan memansuhkan Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) atau pun menyusun semula sistem PTK.
68. PN-1142-L3475
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan pendapat Kementerian mengenai aduan daripada sesetengah rakyat Malaysia yang menganggap percutian di dalam negeri lebih mahal berbanding percutian ke luar negara. Seterusnya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani permasalahan tersebut.
69. PN-1142-L3125
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) mengenai kegiatan sindiket lesen memandu palsu yang dilaporkan muncul semula dan bergiat aktif di beberapa negeri; dan
 - (b) berapakah jumlah tangkapan dibuat dan sejauh mana langkah diambil bagi membendung sindiket itu.
70. PN-1142-L3307
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tempoh masa bagi seseorang pesakit jantung yang perlu menunggu sebelum pesakit dapat menjalani pembedahan sama ada di IJN atau di hospital-hospital berkenaan.
71. PN-1142-L3650
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian Kerajaan di atas cadangan daripada MTUC memperkenalkan RM900 sebagai gaji minima sektor swasta.

72. PN-1142-L3652
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk lebih memberikan kesedaran kepada kaum wanita di negara ini mengenai Kempen Kesedaran Pencegahan Penyakit Kanser.
73. PN-1142-L3657
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pendatang asing Tanpa Izin (PATI) di negara kita sehingga Jun 2007. Apakah usaha kementerian bagi mengatasi masalah tersebut dan sejauh manakah kebenarannya pendatang asing dikaitkan dengan masalah jenayah berat di Malaysia.
74. PN-1142-L3668
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan unit rumah yang telah dapat dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin dan apakah Kementerian bercadang melaksanakan program perumahan untuk rakyat bagi memastikan setiap mampu memiliki rumah melalui program pembangunan wilayah.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.21/2007) Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007-
**Menyambung semula Perbincangan atas masalah,
"Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali
yang kedua sekarang".
(23 Julai 2007)
[Perdana Menteri]**

2. (D.R.36/2007) Rang Undang-undang Pilihan Raya
(Pindaan) 2007 **Bacaan
Kali Yang
Kedua**
[Perdana Menteri]

3. (D.R.34/2007) Rang Undang-undang Bank Islam
(Pindaan) 2007 "
[Menteri Kewangan]

4. (D.R.35/2007) Rang Undang-undang Takaful (Pindaan)
2007 "
[Menteri Kewangan]

5. (D.R.31/2007) Rang Undang-undang Bil Pertukaran
(Pindaan) 2007. "
[Menteri Kewangan]

6. PN-1142-U3023
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan hendaklah menyediakan kajian yang lebih bersepadu untuk mengatasi secara menyeluruh masalah banjir di Kuala Lumpur. Masalah banjir kilat yang berulang-ulang bukan sahaja mengganggu keselesaan hidup warga kota tetapi mendatangkan kesan buruk terhadap industri pelancongan di Malaysia. Satu jawatankuasa khas hendaklah ditubuhkan untuk menyelaras kajian tersebut."
(Menteri Wilayah Persekutuan)

7. PN-1142-U3024
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mestilah merombak kembali kaedah pemberian projek untuk kontraktor kelas F yang diamalkan di pejabat-pejabat JKR Daerah sekarang ini. Sistem undi adalah lebih sesuai digunakan untuk memilih kontraktor yang sudah di 'shortlisted'. Ini dapat mengujudkan ketelusan di kalangan para kontraktor yang disenaraikan tetapi sukar mendapat kerja kerana kaedah memilih di kalangan mereka yang tersenarai itu sering tidak konsisten dan berubah-ubah".

(Menteri Kerja Raya)